



## Standard Keselamatan & Kesihatan Di Universiti Kuala Lumpur (UniKL)

1. Memberikan setiap pekerja keperluan alat lindung diri yang sesuai sepertimana termaktub dalam **OSHA 1994 Seksyen 15 -19:-**

|   |   |
|---|---|
| a. Kasut keselamatan                            | d. Topi Keselamatan   |
| b. Sarung Tangan                                | e. Safety Harness (untuk kerja-kerja melebihi ketinggian 2 meter) |
| c. Goggle (untuk kerja-kerja hacking, mengecat) |   |

2. Perlu meletakkan sekurang-kurangnya seorang penyelia untuk mengawal-selia pekerja di tapak bina.
3. Majikan perlu menyediakan peralatan yang mencukupi dan peralatan yang digunakan hendaklah berada dalam keadaan yang baik untuk digunakan.
4. Menyediakan maklumat keselamatan yang mencukupi seperti termaktub dalam **OSHA 1994 Seksyen 20 – 23:-**

|   |  |
|---|--|
| a. Tanda keselamatan                        | c. Menutup kawasan kerja-kerja tersebut mengikut kesesuaian kawasan tersebut |
| b. Taklimat keselamatan kepada para pekerja |  |

### Tindakan akan diambil oleh Pihak UniKL terhadap kontraktor yang melanggar peraturan diatas:-

1. Kegagalan para pekerja menggunakan alat lindung diri yang sesuai dan juga memakai seluar pendek di tapak bina. Pihak UniKL berhak mengambil tindakan saman sebanyak RM50 untuk setiap kesalahan dan bayaran tersebut akan dipotong daripada bayaran yang akan dilakukan.
2. Pihak UniKL juga berhak untuk memberhentikan kerja-kerja yang dilakukan oleh para pekerja tersebut serta-merta sekiranya tiada penyelia tapak yang mengawal selia kerja tersebut ataupun mendapati kerja yang dilakukan itu boleh mendatangkan bahaya buat dirinya dan juga kawasan sekeliling.
3. Sebarang kemalangan yang berlaku kepada pekerja kontraktor, pihak UniKL perlu dimaklumkan dalam 30 minit pertama. Sebarang kemalangan yang berlaku kepada pekerja kontraktor di tapak bina akibat dari kelalaian atau tidak menggunakan alat lindung diri yang sesuai, pihak UniKL tidak akan mengambil tanggungjawab atas perkara itu.
4. Bangunan UniKL adalah kawasan larangan merokok. Sekiranya didapati terdapat pekerja daripada pihak kontraktor yang merokok, pihak UniKL berhak mengambil tindakan saman sebanyak RM50 untuk kesalahan tersebut